**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**BILANGAN 11 TAHUN 2022**

| | | |
|---|---|---|
| **TARIKH** | **:** | **17 NOVEMBER 2022 (KHAMIS)** |
| **MASA** | **:** | **2.30 PETANG** |
| **TEMPAT** | **:** | **BILIK CEMPAKA KUNING, MPKL** |

**HADIR**

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim,** ***D.I.M.P.***
   Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi

2. **Cik Ang Lee Yong**
   Ahli Majlis

3. **Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman**
   Ahli Majlis

4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
   Ahli Majlis

5. **Encik Wong Kim Loon**
   Ahli Majlis

6. **Encik Nadasan a/l Subramani**
   Ahli Majlis

7. **Encik Gan Yee Chin**
   Ahli Majlis

8. **Encik Lim Tou Yih**
   Ahli Majlis

9 **Encik Razali bin Ahmad**
   Ahli Majlis

10. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
    Ahli Majlis

11. **Puan Rahimah binti Harun**
    Ahli Majlis

12. **Encik Yong Keh Chyn**
    Ahli Majlis

13. **Encik Naharanuar bin Ayob**
Ahli Majlis

14. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis

15. **Encik Norazmi bin Mohamed Tahir**
Ahli Majlis

16. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis

17. **YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan,** ***D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.***
Ahli Majlis

18. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis

19. **Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy**
Ahli Majlis

20. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis

21. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis

22. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis

23. **TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat,** ***A.M.S., P.P.T., P.K.T.***
Setiausaha, MPKL

**TURUT HADIR**

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif,** ***P.P.T.***
Pengarah Jabatan Kejuruteraan

2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan,** ***P.P.T.***
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

3. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad,** ***P.J.K.***
Pengarah Jabatan Perbendaharaan

4. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**
   Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5. **Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap,** ***P.J.K.***
   Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan

6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap**
   Pengarah Jabatan Landskap

7. **Puan Nordila binti Yasir**
   Pengarah Jabatan Pelesenan

8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
   Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

9. **Puan Norain binti Mohamed**
   Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
   Kesihatan Persekitaran

10. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**
    Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan

11. **Puan Hashila binti Hamzah**
    Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat

12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin,** ***P.P.T.***
    Ketua Bahagian Teknologi Maklumat

13. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
    Ketua Unit Audit Dalam

14. **Tuan Haji Fauzi bin Din,** ***P.J.K.***
    Ketua Unit Perundangan

15. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim**
    Ketua Unit Pusat Setempat

16. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
    Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan

17. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
    Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. **Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
   ***D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.***
   Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
   Orang Besar Daerah Kuala Langat

2. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
   Ahli Majlis

3. **Encik Abu Bakar bin Mohamad**
   Ahli Majlis

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. **Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus**
   Penolong Pegawai Tadbir

2. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
   Pembantu Setiausaha Pejabat

3. **Puan Rosmawati binti Othman**
   Pembantu Setiausaha Pejabat

4. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**
   Pembantu Operasi

5. **Encik Shahril bin Sairon**
   Pembantu Operasi

| PERKARA | TAJUK PERKARA | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **1.0** | **BACAAN DOA** | | |
| | Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat. | | **Makluman** |
| **2.0** | **UCAPAN PENGERUSI** | | |
| | YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut: | | |
| | 2.1 | Beliau mengucapkan Selamat Mengundi kepada semua ahli mesyuarat pada 19 November 2022 (Sabtu). Beliau berharap Ketua Jabatan dapat memaklumkan kepada staf mereka untuk keluar mengundi lebih awal kerana Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan hujan pada waktu petang. | **Makluman** |
| | 2.2 | Beberapa kawasan telah mulai dilanda banjir. Beliau berharap kejadian banjir tidak teruk seperti tahun lepas. | **Makluman** |
| | 2.3 | Mesyuarat Sidang Dewan Negeri Selangor akan diadakan pada 23 November 2022 hingga 6 Disember 2022 manakala Ucapan Belanjawan Tahun 2023 Oleh Dato' Menteri Besar Selangor akan diadakan pada 25 November 2022 jam 3.00 petang. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **3.0** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | | |
| | **3.1** | **MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 10 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 31 OKTOBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Razali bin Ahmad tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **4.0** | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT** | | |
| | 4.1 | - TIADA - | **Makluman** |
| **5.0** | **MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:** | | |
| | **5.1** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 NOVEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |
| | **5.2** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 NOVEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |
| | **5.3** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN 11 NOVEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **5.4** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 NOVEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | Tuan Setiausaha memaklumkan berkenaan surat yang diterima daripada pihak Kerajaan Negeri berhubung Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Penyelarasan Dan Resolusi Rancangan Selangor 1 yang telah diadakan pada 9 November 2022 di mana mesyuarat memutuskan semua PBT memastikan bajet pembangunan dan program selaras dengan RS1. | **Makluman** |
| | **5.5** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 NOVEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut: | |
| | i. | **<u>Perkara 5.5.1 (m.s.12)</u>**<br><br>Encik Gan Yee Chin ingin tahu status terkini berkenaan pengambilalihan gelanggang futsal di Jalan Mentari, Bandar Mahkota daripada pihak PDT Kuala Langat kepada pihak Majlis. Beliau memaklumkan gelanggang tersebut telah uzur dan rosak.<br><br>*Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang lalu, dimaklumkan pihak Pejabat Belia dan Sukan akan menyerahkan gelanggang futsal di Taman Banting Baru kepada pihak Majlis. Perkara ini tidak termasuk gelanggang futsal di Jalan Mentari. Setakat ini, pihak Majlis sedang menunggu surat penyerahan daripada pihak Pejabat Belia dan Sukan.*<br><br>*Pihak JL juga akan membuat semakan dengan pihak PDT Kuala Langat berkenaan perkara ini.* | **JL** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **5.6** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 NOVEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |
| | **5.7** | **MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 16 NOVEMBER 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |
| **6.0** | **MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:** | | |
| | **6.1** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 19 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 4 OKTOBER 2022** | |
| | 6.1.1 | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |
| | **6.2** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 20 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 OKTOBER 2022** | |
| | 6.2.1 | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **7.0** | **UCAPAN PENANGGUHAN** | | |
| | Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Rahimah binti Harun, | | |
| | i. | Beliau mengucapkan Salam dan Selamat Sejahtera kepada YBhg. Dato’ Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. | **Makluman** |
| | ii. | Ucapan terima kasih kepada pihak Majlis kerana memberi peluang kepada beliau untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat hari ini. | **Makluman** |
| | iii. | Beliau mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pihak Majlis kerana berjaya memenangi Anugerah Pertandingan Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Negeri Selangor dan Kebangsaan Tahun 2022. | **Makluman** |
| | iv. | Beliau memaklumkan sektor pelancongan antara penyumbang ekonomi kepada penduduk setempat. Walau bagaimanpun, jalanraya bermula daripada Morib Gold Coast hingga ke kawasan Tanjung Sepat amat teruk dan membahayakan pengguna jalanraya. Ketiadaan lampu jalan juga turut menyumbang kepada statistik kemalangan. Oleh itu, beliau berharap satu solusi dapat diterjemahkan agar masalah tersebut dapat diselesaikan. | **Makluman** |
| | v. | Di kawasan DUN Tanjung Sepat, terdapat banyak pokok kelapa sawit dan kelapa yang ditanam oleh orang perseorangan satu ketika dahulu dan pada ketika ini, pokok-pokok tersebut telah tumbuh dan membesar dengan jayanya. Namun apa yang berlaku adalah banyak pokok tersebut tumbang hingga menghalang laluan kenderaan apabila berlaku kejadian ribut, hujan lebat dan angin kencang. Beliau melahirkan rasa kecewa kerana menerima respon yang lambat daripada pihak TNB dan JKR.<br><br>Demi keselamatan penduduk, beliau terpaksa meminta bantuan daripada Skuad PANTAS. Ribuan terima kasih | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | diucapkan kepada Skuad PANTAS di bawah kepimpinan Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap yang banyak membantu beliau sepanjang berkhidmat di Zon 23. | |
| | vi. | Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada barisan kepimpinan MPKL yang telah banyak membantu beliau dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan.<br><br>Banyak keluk ke penarik,<br>Keluk tumbuh pohon kuini,<br>Nan elok bawalah balik,<br>Nan tak elok tinggallah sini. | **Makluman** |
| | vii. | Akhir kata, beliau mencadangkan beberapa penambahbaikan di Pantai Batu Laut antaranya:<br>• Beliau berharap sebuah billboard dapat dibina di Dataran Pantai Batu Laut.<br>• Dengan kadar peningkatan pengunjung, beliau mencadangkan penambahan tandas awam.<br>• Beliau mencadangkan agar persekitaran kawasan medan selera, dataran serta persisiran Pantai dapat dipertingkatkan lagi keceriaannya melalui pembinaan landskap, pencahayaan dan sebagainya agar dapat meningkatkan keceriaan dan mengindahkan lagi Pantai Batu Laut bagi menarik lebih ramai pengunjung. | **Makluman** |
| **8.0** | | **UCAPAN PENUTUP OLEH PENGERUSI** | |
| | | YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Puan Rahimah atas ucapan penangguhan pada hari ini. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini. | **Makluman** |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.15 petang.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

*Tarikh : 22 November 2022*

Disemak oleh :

.........................................................
**(TPr HAJI ARPAAII BIN HAJI SANAT,** *A.M.S., P.P.T., P.K.T.***)**
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.........................................................
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM,** *D.I.M.P.***)**
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh …………………………………… dan disokong oleh ………………………………………………………………………...

**<u>PETUNJUK</u> :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*lynda/mesyuarat mpkl11/2022*